

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 8 DISEMBER 2020

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) apakah sebab Kementerian membatalkan projek yang diluluskan oleh Kerajaan PH di kawasan Sandakan seperti pemasangan sistem kumbahan Kg. Cina Sim-Sim, sistem pembentungan, pembaikan 24 jambatan Kg. Melayu Sim-Sim, membaik pulih asrama Taman Cahaya, menaik taraf simpang jalan Sibuga/Jalan Utara dan menaik taraf Dewan Masyarakat, Sandakan; dan

(b) adakah kesemua projek ini yang dibatalkan akan diteruskan semula.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Terdapat 5 buah projek di Sandakan yang berjumlah RM10.68 juta telah diluluskan secara terus oleh Kementerian Kewangan pada November dan Disember 2019. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri telah diarahkan oleh Kementerian Kewangan untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek tersebut. Buat masa ini, sebahagian daripada projek-projek tersebut ditangguhkan seketika untuk membolehkan siasatan keperluan dan kebolehlaksanaan projek dijalankan terlebih dahulu.

2. Bagi projek menaik taraf 24 buah jambatan di Kg. Sim-Sim, Sandakan pula, peruntukan sebanyak RM4.2 juta telahpun disalurkan kepada Majlis Perbandaran Sandakan pada 18 September 2020 untuk pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.